



SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 2 / 2025

PROGRAM BERBUKA PUASA BERAMAI- RAMAI DI IFTAR MADANI@BATU SAPI 2025

SANDAKAN, 8 Mac 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN), Sabah dengan kerjasama Persatuan Penggiat Seni Kreatif Sandakan berserta rakan penganjur dari pelbagai agensi menyemarakkan lagi aktiviti kesenian dan kebudayaan di Sabah bersama orang ramai dan pelancong di Pantai Pasir Putih, Batu Sapi, Sandakan, Sabah dalam penganjuran program IFTAR MADANI @BATU SAPI 2025 yang berlangsung pada 8 Mac 2025 bersamaan 7 Ramadan, bermula 4.00 petang sehingga 10.30 malam.

Program ini merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan program Pelancongan Budaya (*Culture Based Tourism*) yang bertujuan untuk mengimarahkan bulan Ramadan serta mengangkat keunikan berbuka puasa secara beramai-ramai kepada pelancong tempatan serta antarabangsa. Program IFTAR MADANI @BATU SAPI 2025 merupakan kali kedua diadakan di luar daripada Kuala Lumpur iaitu di Sabah dan Sandakan sekali lagi menjadi destinasi bertuah terpilih sebagai penganjuran program Iftar pada tahun ini.

“Iftar Madani@Batu Sapi, Sandakan ini menyasarkan seramai 5,000 orang pengunjung yang akan hadir dan ianya juga merupakan salah satu pendekatan yang positif dalam memupuk nilai-nilai murni dan jati diri kepada masyarakat bandar dan khususnya generasi muda seperti contoh melalui aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk, program sukarelawan dan agihan bubur lambuk kepada golongan asnaf dan gelandangan. Penganjuran program sebegini juga merupakan tanggungjawab sosial Kementerian ini ke arah mencerminkan kerajaan Madani demi kesejahteraan rakyat Malaysia,” jelas YB Tuan Khairul Firdaus Akhbar Khan.

Antara aktiviti kebudayaan dan kesenian Islam yang telah disusun untuk pengunjung dan orang ramai selain majlis Iftar secara terbuka adalah jualan bazar ramadan, agihan bubur lambuk, solat terawih berjemaah, persembahan nasyid dan qasidah oleh Sekolah Tahfiz serta kumpulan muzik tempatan dan ceramah agama oleh penceramah jemputan YBhg Dato’ Ustaz Kazim Elias Al Hafiz.

Kemuncak program ialah Majlis Perasmian Program Iftar Madani yang berlangsung pada 8 Mac 2025 dan dirasmikan oleh YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merangkap Ahli Parlimen Batu Sapi. Turut hadir sama adalah YB Puan Vivian Wong Shir Yee, Ahli Parlimen Sandakan, YBhg Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, YBrs Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan YBrs Tuan Welter Kenson, Presiden Majlis Perbandaran Sandakan.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN iaitu myesenibudaya dengan pautan www.facebook.com/mysenibudaya.-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my **Email:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200	Azree Azizi bin Mat Nayan Pegawai Kebudayaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sabah azree@jkkn.gov.my Tel: +60 88-205070 / 012-572 7544
---	---